

LESTARI HIKMAH

—SIRI ILMU MANDIRI—

PERPUSTAKAAN *dan* PERKEMBANGAN TAMADUN

SYED HUSSEIN ALATAS



Kata Pengantar
TEO LEE KEN & SYED IMAD ALATAS

Penterjemah
MOHD RASHIDI





—SIRI ILMU MANDIRI—

PERPUSTAKAAN
dan PERKEMBANGAN TAMADUN

SYED HUSSEIN ALATAS

PUSTAKA PERDANA



1013935

Kata Pengantar
TEO LEE KEN & SYED IMAD ALATAS

Penterjemah
MOHD RASHIDI

LESTARI HIKMAH

2023



PERPUSTAKAAN DAN PERKEMBANGAN TAMADUN

Hak Cipta Terpelihara © Syed Hussein Alatas, 2023
Hak Cipta Penerbitan @ Lestari Hikmah, 2023
Hak Cipta Kata Pengantar © Leo Tee Ken & Syed Imad Alatas

Terbitan Pertama, 2023

Terbitan Kedua, 2025

LESTARI HIKMAH

425, Jalan Bunga Raya 1, Batu 8

31150 Kinta, Perak Darul Ridzuan, MALAYSIA

Facebook: www.facebook.com/LestariHikmahMalaysia

Website: www.lestarihikmah.com

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-26720-3-6

Foto pada muka kulit: Syed Ubaydillah Alatas.

Hak cipta logo Sang Kancil pada muka kulit buku ini
dipegang oleh Syed Farid Alatas.

Logo ini digagas oleh Mohamed Imran Mohamed Taib.

Kaligrafi untuk logo ini direka oleh Ustaz Syed Agil Othman Al-Yahya.

SIRI ILMU MANDIRI

Andaian-andaian Eurosentrik, nasionalis dan sektarian masih menggaris-bawahi sebahagian besar daripada kajian-kajian mengenai sejarah, masyarakat dan budaya kepulauan Melayu-Indonesia dan Dunia Ketiga pada umumnya. Orientasi Eurosentrisme menentukan agenda penelitian dan pemilihan teori dalam kajian yang dilakukan di luar Barat. Pada waktu yang sama, penghasilan ilmu kita masih dikuasai kepentingan nasionalis dan sektarian. Masalah dalam penghasilan ilmu merangkumi faktor dalaman dan luaran.

Pemahaman bahwa penghasilan ilmu memiliki masalah sebagaimana disebutkan telah menimbulkan tanggapan dalam kalangan sesetengah sarjana kita. Di antaranya adalah Syed Hussein Alatas yang menyeru supaya suatu tradisi ilmu kemasyarakatan mandiri diwujudkan. Seruan ini telah diperhatikan oleh dua generasi sarjana sehingga telah menjelma suatu tradisi dalam penghasilan ilmu yang berazam untuk mencapai kemandirian daripada pelbagai orientasi hegemonik. Dalam tradisi ini pembinaan teori, pembentukan konsep, penerapan kaedah ilmu kemasyarakatan dan kemanusiaan, dan pemahaman fenomena dilakukan dengan cara yang sesuai untuk masyarakat tertentu dan bertentangan dengan kepentingan Eurosentrik, nasionalis, sektarian dan kepentingan selainnya.



LOGO KANCIL



Bentuk sang kancil yang terdapat pada muka kulit melambangkan kepintaran dan ketangkasan yang bijak dalam menghadapi kesukaran. Kendati ukurannya yang kecil, sang kancil dilihat sebagai selalu dapat merangka strategi yang bijak untuk mengelakkan bahaya. Oleh kerana itu, ia adalah haiwan yang sangat disayangi dan sering muncul dalam cerita rakyat haiwan Dunia Melayu.

Logo kancil adalah lambang tradisi Ilmu Mandiri yang berawal dengan Syed Hussein Alatas waktu beliau memulakan kerjaya akademiknya di Malaysia dan kemudian di Singapura semenjak tahun 1960-an.

ISI KANDUNGAN

PRAKATA PENERBIT	ix
KATA PENGANTAR DR. TEO LEE KEN	xi
KATA PENGANTAR SYED IMAD ALATAS	xix
NOTA PENERBIT	xxiii
PERPUSTAKAAN DAN PERKEMBANGAN TAMADUN OLEH: PROF. DR. SYED HUSSEIN ALATAS	1
BIBLIOGRAFI PROF. DR. SYED HUSSEIN ALATAS	23





PRAKATA PENERBIT

Buku 'Perpustakaan dan Perkembangan Tamadun' merupakan penulisan terakhir oleh almarhum Prof. Dr. Syed Hussein Alatas sebelum beliau kembali mengadap Tuhan Rabbul Jalil pada 2007. Buku yang diterbitkan ini merupakan penerbitan kedua bagi siri projek Ilmu Mandiri setelah buku yang pertama diterbitkan, 'Islam Dan Masharakat'.

Memaknai daripada falsafah kepustakaan itu bukanlah dilihat dari sudut gahnya seni reka bangunan mahupun saiz bangunan yang besar. Yang menjadi keutamaan adalah peranan perpustakaan itu sendiri yang benar-benar mampu memberi impak besar ke dalam dunia intelektualisme. Perpustakaan Diraja Ashurbanipal misalnya bukan sahaja dikenang sebagai perpustakaan terawal di dunia, tetapi mungkin juga akan dikenang sebagai suatu perpustakaan yang telah dibangunkan oleh seorang pemerintah yang ulung dan terkenal semasa era pertengahan 600 sebelum Masihi. Koleksi yang hebat berada di perpustakaan ini seperti Epik Gilgamesh dan koleksi yang lain, sedikit sebanyak mempengaruhi kepada kewujudan perpustakaan yang lain.

Di Malaysia sendiri tidak kurang hebatnya dengan kewujudan International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC) yang dipengaruhi penubuhannya oleh Tan Sri Prof. Dr. Syed Naquib Al Attas. Kegigihan Tan Sri Al Attas untuk mendapatkan bahan yang terbaik bagi perpustakaan ISTAC itulah suatu perkara yang luar biasa. Apabila Fazlur Rahman dan Toshiko Izutsu meninggal dunia, Tan Sri Al Attas telah mengambil inisiatif menghubungi ahli

keluarga mereka bagi membeli koleksi-koleksi terbaik yang ada dalam simpanan Fazlur Rahman dan Toshiko Izutsu.

British Museum Library misalnya mempunyai jasa tersendiri dalam membugarkan idea buat dua pemikir terkemuka dunia, Karls Marx dan Peter Kropotkin. Disinilah keduanya bereksperimen idea dan ideologi, dan melaluinyalah karya-karya monumental terhasil. Maka besarlah harapan kita semua perpustakaan di negara ini mampu untuk menjadi inspirasi kepada penulisan-penulisan hebat pada masa akan datang.

Mohd Rashidi
Presiden Lestari Hikmah

KATA PENGANTAR DR. TEO LEE KEN

“Thus, the effect of library on the development of civilization and human life is not only in the dissemination of knowledge but in the generation of new knowledge and awareness, new attempts to rectify a situation a new striving to achieve what is significant for human life.”

Saya diberikan peluang untuk membaca sebuah manuskrip tulisan seorang cendekiawan dan insan luar biasa yang tidak bisa diperkenalkan lagi: sosiologis, pemikir sosial, dan intelektual awam: Syed Hussein Alatas.

Jangkauan penulisan dan pemikirannya, sungguh luar biasa dan jauh ke depan dan mendalam dalam kalangan pemikir-pemikir dan para pemimpin setiap lapangan di negara kita.

Daripada soal pembangunan ke agama, tradisi keintelektualan dan sastera dan budaya, ke korupsi dan sejarah, pandangannya tajam dan terbuka. Dengan menumpukan kepada persoalan-persoalan asasi, Alatas sentiasa berusaha menggarap suatu tema atau isu yang seakan sepele, dalam bicara yang mendalam sekali.

Bahasa yang digunakannya ringkas. Nadanya sederhana. Leitmotif yang dipandunya konsisten.

Begitu ruang rasa dan fikiran saya apabila membaca esainya *Library and the Development of Civilization*. Tidak keterlaluan untuk saya mengatakan bahawa tulisan Alatas ini boleh dibaca sebagai mukadimah atau asas kepada korpus tulisan dan perbincangannya yang lain.

Mengapa saya katakan demikian?

Sepanjang hayat kritikan sosialnya terhadap isu dan persoalan pokok dalam masyarakat, fokus kepada bual bicara tradisi pemikiran dan pemikiran sosial tidak kira secara kolektif ataupun secara individu tidak pernah dilepaskan. Khususnya di Malaysia, mahupun di Asia Tenggara dan persada dunia.

Tetapi, proses dan perjuangan merdekakan pemikiran dan jiwa, seperti yang sering dipacu Alatas, tidak dapat berlaku pada dasarnya sekiranya prasyarat kondisi sosial dan faktor yang perlu untuk perkembangan ini dizahirkan tidak wujud atau ada.

Ini membawa kita kepada renungan dan perbincangan Syed Hussein Alatas terhadap sifat, fungsi, dan ciri-ciri institusi perpustakaan, dan kepeustakawanan. Sebagai antara tulisannya yang lebih lanjut dalam korpus karyanya, Alatas seperti telah kembali kepada persoalan dan tema yang mendasar tentang apa yang membolehkan dan diperlukan untuk pembinaan sebuah tamadun, dan masyarakat dan bangsa yang maju dan bermartabat. Seperti yang Alatas ungkapkan:

“The setting up of a library in any society at any time is an important sign of civilization and awareness of human progress.”

Upaya institusi perpustakaan untuk mendorong revolusi pemikiran, dan arus sosial dan politik yang mengubah visi dan hala tuju dunia, mencipta peristiwa yang menggegarkan imaginasi umat manusia, tidak dapat dinafikan. Alatas mencatatkan bagaimana berdirinya perpustakaan Muzium British membolehkan Karl Marx untuk memikirkan dan menulis tentang komunisme yang mencetuskan gerakan-gerakan revolusi bukan sahaja di Eropah, bahkan di Asia. Himpunan buku-buku yang ada di Muzium British yang menggerakkan perkembangan ini:

“Without the collection of the library of the British Museum, Marx would not have been able to write his Das Kapital in the manner he did... Can we say that the library of the British Museum had no contribution whatsoever to the creation of the Communist movement and the Soviet Union?”

Alatas sendiri berkongsi bagaimana residensinya di Woodrow Wilson Center, Amerika Syarikat sebagai felo pengkaji telah memberikannya akses kepada Library of Congress yang membantunya menghasilkan buku *Corruption: Its Nature, Causes and Functions* yang diterbitkan pada tahun 1990.

Tradisi keilmuan dan daya fikir mustahak kepada pembangunan sebuah masyarakat dan jiwa yang maju. Infrastruktur fizikal dan juga mental, yakni perpustakaan, mendasari proses kematangan dan pembudayaan ini. Alatas menyinggung kepada kesedaran ini apabila mengatakan bahawasanya:

“Planning for an excellent library is planning for an excellent mind. Neglecting the library is inviting the lethargy of the mind.”

Kewujudan rangkaian perpustakaan yang baik di sekitar kawasan kampung, pekan dan bandar di negara kita adalah manifestasi penghargaan kita sebagai bangsa mandiri terhadap khazanah pemikiran dan kekayaan ilmu pengetahuan. Kemajuan sebuah negara tidak mungkin diukur daripada segi fizikal dan material sahaja. Sekiranya jumlah rizab kewangan dan mata wang menjadi pengukur kepada kekayaan dan kemajuan ekonomi negara, maka khazanah buku dan pemikiran, dan bilangan dan keadaan institusi pengarkiban, yakni perpustakaan, yang menghimpun dan merumahkan koleksi ini juga menjadi penanda aras kepada kemajuan pemikiran dan keilmuan masyarakat dan bangsa kita.



Tulisan Prof. Dr. Syed Hussein Alatas ini memang benar mengingatkan saya kepada pentingnya perpustakaan. Perpustakaan lebih kukuh dari gudang senjata. Senjata dibina untuk membunuh malah meruntuhkan sebuah tamadun, manakala perpustakaan dibina untuk menyubur dan menghidupkan lagi sejuta nyawa. Tanpa perpustakaan manusia tidak dapat berkongsi pengalaman, pengetahuan dan hak mereka. Perpustakaan yang terjaga rapi akan menghasilkan ledakan ilmu yang luar biasa buat pembacanya.

Hak manusia yang perlu dijaga selain mendapatkan makanan dan perlindungan adalah dengan memastikan setiap dari mereka mendapat hak untuk membaca. Tidak mungkin manusia akan hidup sepenuhnya tanpa membaca. Membaca menghasilkan idea, idea pula akan mengembara walaupun batang tubuh pendirinya sudah berbakti semula kepada alam. Kita tidak mungkin dapat melihat sisi buruk kapitalisme, semangat beragama yang jumud dan keganasan yang menggoncang tanpa adanya pembacaan yang rapi dan berkesan. Di sinilah perpustakaan memainkan peranan. Aroma bukunya bukan saja menenangkan malah memberikan perubahan. Bacalah dan nikmatilah buku ini.

-W.N Khuzairey-

Felo Lestari Hikmah